

**PERATURAN – PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007  
(PINDAAN KETIGA, 2017)**

Hakcipta@ Universiti Sains Islam Malaysia.

Cetakan Pertama 2007

Cetakan Kedua 2015

Cetakan Ketiga 2017

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk pun dan dengan apa cara juga sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua BPA, Universiti Sains Islam Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Pengurusan Akademik**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Mukaddimah</b>	5
<b>Tanggungjawab Pelajar</b>	6
<b>BAHAGIAN A : PENTAKRIFAN</b>	7
<b>BAHAGIAN B : PENGAMBILAN PELAJAR</b>	
1. SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR(WARGANEGARA) .....	14
2. SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (BUKAN WARGANEGARA) .....	15
3. PENGGANTUNGAN PENDAFTARAN UNIVERSITI .....	17
4. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN .....	17
5. PENARIKAN DIRI DARI UNIVERSITI .....	18
<b>BAHAGIAN C : SESI AKADEMIK, PENDAFTARAN SEMESTER DAN PENDAFTARAN KURSUS</b>	
6. SESI AKADEMIK.....	19
7. PENDAFTARAN .....	20
8. PENGULANGAN KURSUS .....	23
9. PEMINDAHAN KREDIT .....	23
10. TEMPOH PENGAJIAN .....	25
11. PENANGGUHAN PENGAJIAN .....	26
12. PENGAMBILAN KURSUS SECARA PENSETARAAN/PEMBELAJARAN KENDIRI ( <i>INDEPENDENT STUDIES</i> ) .....	28
13. PENGGANTUNGAN PENGAJIAN .....	28
14. PENAMATAN PENGAJIAN ATAS SEBAB KESIHATAN .....	29

## **BAHAGIAN D : PEPERIKSAAN**

15.	STRUKTUR PENILAIAN .....	30
16.	SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED .....	32
17.	KEHADIRAN PELAJAR .....	35
18.	PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER .....	35
19.	JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER .....	35
20.	KEPUTUSAN PEPERIKSAAN .....	36
21.	PENANGGUHAN PEPERIKSAAN .....	36
22.	PEPERIKSAAN GANTIAN .....	37
23.	PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS .....	38
24.	PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN .....	38
25.	RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS .....	38
26.	RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN .....	39
27.	KEPUTUSAN STATUS PEPERIKSAAN (KSTP) .....	41
28.	SYARAT KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN .....	41
29.	SALAH LAKU PEPERIKSAAN .....	41

## **BAHAGIAN E: PENGIJAZAHAN**

30.	STRUKTUR PENGIJAZAHAN .....	41
31.	PENGURNIAAN AKADEMIK .....	43
32.	SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN, TRANSKRIP AKADEMIK RASMI DAN SKROL .....	46
33.	UMUM .....	47

<b>JADUAL PERTAMA</b> .....	<b>48</b>
-----------------------------	-----------

<b>JADUAL KEDUA</b> .....	<b>49</b>
---------------------------	-----------

## MUKADDIMAH

### Nama

1. Peraturan ini dinamakan **Peraturan – Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Ketiga, 2017)**
2. Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Ketiga, 2017) ini dikeluarkan setelah semakan semula dan penambahbaikan dibuat ke atas Peraturan-peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Kedua, 2015). Semakan semula dan penambahbaikan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai selaras dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.
3. Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Pengajian mengikut Program yang telah ditetapkan oleh Fakulti dan mana-mana Garis Panduan berkaitan hal ehwal akademik yang diluluskan oleh Senat Universiti.

### Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

4. Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Ketiga, 2017) telah diluluskan dalam mesyuarat Senat Universiti Kali Ke – 99 Bil. 3/2017 pada 7 Jun 2017.
5. Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Islam Malaysia selepas tarikh Peraturan ini berkuat kuasa.
6. Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua program pengajian yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.
7. Peraturan ini hanya terpakai pada semester lazim sahaja kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

## TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut untuk membolehkan Universiti memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Peraturan ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan peraturan-peraturan yang digariskan dalam Peraturan ini iaitu:
  - i. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum program pengajian yang diikuti di Universiti.
    - a) Membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
    - b) Membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
    - c) Membayar yuran Universiti mengikut masa dan jumlah yang ditetapkan.
    - d) Menghadiri kuliah/ tutorial/ makmal/ studio/ latihan industri/ latihan amali/pra-praktikum/ praktikum/latihan mengajar/klinikal/penempatan klinikal/program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain yang ditetapkan oleh Universiti/Fakulti.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada pihak pengurusan Fakulti/Pusat/Bahagian/Unit yang menguruskan hal ehwal pentadbiran akademik sekiranya berhadapan dengan sebarang bentuk permasalahan.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidakpatuhan atau kealpaan terhadap peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

## **BAHAGIAN A: PENTAFSIRAN**

1. Dalam Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian) 2007 (Pindaan Ketiga, 2017) ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain:

### **1.1 APEL (*Accreditation Prior Experiential Learning*)**

ertinya satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, bagi mengakses sesuatu program pengajian;

### **1.2 APEL C (*Accreditation Prior Experiential Learning with Credit*)**

ertinya satu kaedah penilaian ilmu dan pengalaman yang diperolehi semasa kerja atau himpunan kursus pendek bagi mendapatkan pindahan kredit untuk mata pelajaran dalam program akademik IPT;

### **1.3 B40**

ertinya isi rumah berpendapatan 40% terendah daripada taburan pendapatan; (*Rujukan: epu*)

### **1.4 Badan Profesional**

ertinya mana-mana badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang bermaksud mengawal selia sesuatu profesion dan kelayakannya atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh kerajaan. (*rujukan: glosari KPT*)

### **1.5 BPA**

ertinya Bahagian Pengurusan Akademik;

### **1.6 Dekan**

termasuklah Dekan Fakulti/Ketua PTJ Akademik yang mengetuai sesebuah Fakulti/Sekolah/Pusat/Akademi/Institut;

### **1.7 Program Dwi Ijazah / *Double Degree***

ertinya penawaran ijazah yang menggabungkan dua (2) program daripada dua (2) bidang yang berbeza;

### **1.8 eHadir**

ertinya Sistem Kehadiran Pelajar;

#### **1.9 eNilai**

ertinya Sistem Penilaian Kursus dan Pengajaran secara (*online*) Atas Talian;

#### **1.10 Enrolmen**

ertinya bilangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di USIM termasuk semua pelajar aktif (pelajar mendaftar, layak mendaftar, lewat mendaftar dan tangguh pengajian) bagi sesuatu sesi pengajian berkenaan.

#### **1.11 Fakulti**

termasuklah Sekolah/Pusat/Akademi/Institut yang menguruskan hal-ehwal akademik termasuklah pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran program-program pengajian;

#### **1.12 Gap Year/Tahun Berjeda**

ertinya tempoh masa pelajar dibenarkan meninggalkan pengajian dengan kebenaran universiti untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun kalendar akademik dengan tujuan khusus selain daripada yang dibenarkan untuk menangguhkan pengajian.

#### **1.13 GCE**

GCE ertinya *General Certificate of Education*;

#### **1.14 Graduan**

ertinya bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian;

#### **1.15 IELTS**

IELTS ertinya *International English Language Testing System*

#### **1.16 iCGPA (*Integrated Cumulative Grade Point Average*)**

ertinya satu mekanisma bersepadu pentaksiran, pelaporan, pencapaian dan pembangunan pelajar yang mengambil kira peningkatan adab, keilmuan dan keupayaan mereka. Pelaporan ini memperlihatkan pencapaian atribut yang dihasratkan melalui enam (6) aspirasi pelajar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) dan lapan domain hasil pembelajaran kerangka kelayakan Malaysia. Ia merupakan sistem pentaksiran bersepadu yang bertujuan untuk membantu pelbagai pihak berkepentingan membuat keputusan atau merancang langkah penambahbaikan. Mekanisma ini bertujuan untuk memacu pembangunan dan penajajaran dalam rekabentuk, penyampaian dan pentaksiran kurikulum di peringkat program dan peringkat kursus agar memfokuskan pengalaman pembelajaran pelajar ke arah pembangunan insan yang holistik dan seimbang. (Rujukan: Garis Panduan iCGPA KPT);



### **1.17 IPT**

(Institusi Pengajian Tinggi) ertinya Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang diiktiraf oleh Universiti.

### **1.18 iStudent**

ertinya portal perkhidmatan secara web yang disediakan untuk capaian pelajar;

### **1.19 Jam kredit**

ertinya jam pembelajaran dan pengajaran yang perlu diikuti oleh semua pelajar sepanjang pengajian mengikut program pengajian. Jam kredit bagi sesuatu kursus yang diulangi akan dikira sekali sahaja bagi maksud jumlah keperluan kredit untuk bergraduat.

### **1.20 Ketua BPA**

ertinya Ketua Bahagian Pengurusan Akademik;

### **1.21 Kemahiran Insaniah**

ertinya kemahiran generik yang perlu dipupuk dalam diri pelajar yang berkait dengan keusahawanan, kepimpinan, komunikasi, pemikiran kritis, keupayaan menyelesaikan masalah, inovatif, kreatif serta kerjasama berpasukan.

### **1.22 KPM**

ertinya Kementerian Pendidikan Malaysia

### **1.23 KPT**

ertinya Kementerian Pendidikan Tinggi

### **1.24 Kokurikulum**

ertinya kursus Universiti yang dijalankan untuk memupuk Kemahiran Insaniah pelajar seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;

### **1.25 Kursus**

ertinya subjek atau mata pelajaran atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam struktur penawaran bagi sesuatu program pengajian;

### **1.26 KSTP**

ertinya Keputusan Status Peperiksaan bagi seseorang pelajar

### **1.27 Latihan Ilmiah/Projek Ilmiah**

ertinya latihan mengajar atau tesis

**1.28 Latihan Industri/ Latihan Amali/ Pra-Praktikum/ Praktikum/ Latihan Mengajar/ Klinikal/ Penempatan Klinikal/ Program Sangkutan/ Internship**

ertinya aktiviti pembelajaran luar kuliah yang ditetapkan oleh Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam suasana sebenar alam pekerjaan;

**1.29 Lembaga Perubatan Universiti**

ertinya sebuah badan yang dilantik oleh Senat Universiti bagi tujuan menilai kesihatan pelajar Universiti.

**1.30 MQA**

ertinya *Malaysian Qualifications Agency* / Agensi Kelayakan Malaysia

**1.31 MUET**

ertinya *Malaysian University English Test*;

**1.32 Memenuhi Syarat Kemasukan USIM**

ertinya memenuhi kedua-dua syarat am dan syarat khas kemasukan yang ditetapkan;

**1.33 NGMP**

ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;

**1.34 ODL @ Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning*)**

ertinya peruntukan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan. *Rujukan: MQA*

**1.35 Pelajar**

ertinya seseorang pelajar berdaftar di Universiti, termasuk di institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan/penyelidikan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh/atau dari USIM termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus dan program pertukaran. *Rujukan: AUKU*

**1.36 Pengamal Perubatan Berdaftar**

ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50] sama ada pegawai perubatan Kerajaan atau swasta. *Rujukan: JPA*

**1.37 Penilaian**

ertinya pengukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk ujian lisan/bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, projek, latihan industri/ latihan amali/ pra-praktikum/ praktikum/ latihan mengajar/ klinikal/ penempatan klinikal/ program sangkutan;

**1.38 Penangguhan pengajian**

ertinya kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

**1.39 Penangguhan peperiksaan**

ertinya kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

**1.40 Penggantungan pendaftaran**

ertinya kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

**1.41 Pembelajaran Kendiri (*Independent Studies*)**

ertinya kaedah pembelajaran di mana seseorang pelajar mengikuti sesuatu kursus secara persendirian dengan seseorang tenaga pengajar berdasarkan kesesuaian waktu tenaga pengajar dan pelajar berkenaan;

**1.42 Peperiksaan**

ertinya termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu.

**1.43 Peperiksaan Akhir Semester**

ertinya termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu yang dijalankan pada penghujung setiap semester.

**1.44 Peperiksaan Profesional**

ertinya penilaian bertulis/klinikal dan/atau lisan pada akhir sesi akademik;

**1.45 Plagiarisme**

Plagiarisme ialah peniruan hasil kerja dan/atau pendapat orang lain sama ada menerusi bahan bercetak atau elektronik tanpa mengiktiraf atau membuat pengakuan akan sumbernya berdasarkan kepada Dasar dan Garis panduan Plagiarisme USIM yang telah ditetapkan

**1.46 PNGK / CGPA**

ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif/Cumulative Grade Point Average;

**1.47 PNGS / GPA**

ertinya Purata Nilai Gred Semester/ *Grade Point Average*;

**1.48 Program Pengajian**

ertinya program akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian;

**1.49 Program Kerjasama**

ertinya suatu kaedah membenarkan Institusi Pengajian Tinggi menawarkan program akademik Universiti Awam di Institusi pemohon;

**1.50 PTJ**

ertinya Pusat Tanggungjawab;

**1.51 Sakit**

ertinya ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar

**1.52 Senat Universiti**

ertinya badan akademik tertinggi USIM yang mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan, peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma sijil dan kepujian akademik yang lain dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia (disiarkan dalam warta pada 31 Disember 2010) (P.U.(A) 454/2010) dan lain-lain;

**1.53 Semester Lazim**

ertinya sesi pengajian yang melibatkan sekurang-kurangnya 14 minggu kuliah tidak termasuk minggu peperiksaan sebagaimana yang diluluskan oleh Senat Universiti.

**1.54 Semester Pendek**

ertinya semester pengajian khas di luar semester lazim dan diadakan pada cuti akhir Sesi Akademik.

**1.55 SPM**

ertinya Sijil Pelajaran Malaysia;

**1.56 STAM**

ertinya Sijil Tinggi Agama Malaysia;

**1.57 STPM**

ertinya Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia;

**1.58 Syarat Am**

ertinya syarat umum kemasukan yang ditetapkan untuk semua saluran kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda;

**1.59 Syarat Khas**

ertinya syarat kemasukan khusus yang ditetapkan mengikut program dan saluran kemasukan Program Ijazah Sarjana Muda;

#### **1.60 Terputus Pengajian**

ertinya pelajar yang diluluskan untuk menangguhkan pengajian bagi sesuatu semester, diberhentikan daripada pengajian atas sebab peperiksaan, tatatertib, atau tidak mendaftar dua (2) semester berturut dan mencapai tempoh pengajian maksimum.

#### **1.61 TOEFL**

ertinya *Test of English as a Foreign Language*

#### **1.62 UEPT**

ertinya *University English Proficiency Test*

#### **1.63 Universiti**

Universiti bermaksud Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1976 (Akta 173) Pindaan 2006.

## BAHAGIAN B: PENGAMBILAN PELAJAR

### 2 SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (WARGANEGARA)

2.1 Kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda USIM secara sepenuh masa adalah tertakluk kepada memenuhi semua syarat kemasukan yang ditetapkan mengikut program yang terdiri dari Syarat Am dan Syarat Khas.

2.2 Syarat Am kemasukan ditetapkan oleh KPT manakala Syarat Khas ditetapkan oleh USIM dan dipinda mengikut Sesi Akademik yang berkaitan mengikut keperluan.

2.3 Kemasukan pelajar melalui saluran dan kelayakan selain yang tercatat dalam Peraturan ini adalah atas kuasa Senat Universiti.

2.4 **Syarat Am** kemasukan lepasan Tamhidi/Matrikulasi KPM/Asasi UA/STPM/STAM/Setaraf

2.3.1 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai** dan **lulus** dalam mata pelajaran **Sejarah** (SPM 2013 dan ke atas) dalam peperiksaan SPM; **dan**

2.3.2 Memiliki salah satu kelulusan berikut: dan

- (i) Lulus Tamhidi USIM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- (ii) Lulus Matrikulasi KPM/Asasi UA/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- (iii) Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain; atau
- (iv) Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid.

2.3.3 Mendapat sekurang-kurangnya Band 1 dalam Malaysian University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku.

2.4 **Syarat Am kemasukan bagi lepasan Diploma/setaraf adalah seperti berikut:**

2.4.1 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai** dan **lulus** dalam mata pelajaran **Sejarah** (SPM 2013 dan ke atas) dalam peperiksaan SPM; **dan**

2.4.2 Memiliki salah satu kelulusan berikut; dan

- (i) Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (**STPM**) dalam **peperiksaan dua (2) tahun kebelakang** dengan mendapat sekurang-kurangnya **NGMP 2.00** dan **Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran** termasuk **Pengajian Am**; atau
- (iii) Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (**STAM**) dalam **peperiksaan tiga (3) tahun kebelakang** dengan mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid**; atau
- (iv) Lulus Matrikulasi KPM/Asasi UA/Setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia **dalam peperiksaan dua tahun kebelakang** dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.0.

2.4.3 Mendapat sekurang-kurangnya Band 1 dalam *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut tempoh sah laku/seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

### 3 SYARAT AM KEMASUKAN PELAJAR (BUKAN WARGANEGARA)

#### 3.1 Syarat kemasukan bagi lepasan GCE 'A' Level / setaraf adalah seperti berikut:

- i. Lulus GCE 'O' Level atau setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; dan
- ii. Memiliki **salah satu** kelulusan berikut yang diiktiraf oleh Senat USIM
  - a) STPM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00, **atau**
  - b) STAM dan mendapat minimum tahap Jayyid; **atau**
  - c) GCE 'A' Level dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C; **atau**
  - d) Sijil Matrikulasi/Asasi/Setaraf dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; **atau**
  - e) Diploma dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50; atau
  - f) Apa-apa kelayakan yang didaftarkan dalam Senarai Kelayakan Masuk Pelajar Bukan Warganegara (tahap 6 MQF), MQA.
  - g) Sijil yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM
- iii. Memperoleh Kredit/Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya di peringkat GCE 'O' Level/ GCE 'A' Level/ setaraf; **atau**

Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris yang setaraf dengan MUET Band 2 dan ke atas; atau IELTS Band 4.0 dan ke atas atau mendapat skor 510 (PBT)/skor 180 (CBT)/skor 64 (IBT) dan ke atas dalam TOEFL atau mana - mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; **dan**

- iv. Bagi kemasukan ke Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan kepujian, memperolehi sekurang-kurangnya Gred B dalam subjek Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya di peringkat GCE 'O' Level / GCE 'A' Level/ setaraf; **atau**

Menunjukkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris yang setaraf dengan MUET Band 4 dan ke atas; atau IELTS Band 6.0 dan ke atas atau mendapat skor 550 (PBT)/skor 213 (CBT)/skor 79 (IBT) dan ke atas dalam TOEFL atau mana - mana ujian yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat USIM; **dan**

- v. Memperoleh Kredit/Kepujian dalam subjek Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Arab Tinggi / setaraf; dan
- vi. Memperoleh Kredit/Kepujian dalam SATU (1) subjek berkaitan Pengajian Islam; dan
- vii. Menunjukkan penyata kewangan yang baik / penyata biasiswa kepada USIM.

### **3.1 Syarat Am kemasukan program Dwi Ijazah / *Double Degree***

- (a) Telah lengkap tahun kedua dalam program Ijazah Sarjana Muda asal
- (b) Mendapat PNGK sekurang-kurangnya 3.00 dalam Peperiksaan Akhir Semester II Tahun 2 (dalam empat semester pertama)
- (c) Memenuhi Syarat Khas program yang dipohon mengikut sesi akademik semasa.

### **3.2 Syarat Am kemasukan melalui saluran Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL*) -- BARU.**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur 21 tahun mulai 1 Januari pada tahun permohonan
- (c) Lulus Penilaian APEL yang dilaksanakan oleh MQA
- (d) menunjukkan penguasaan dalam Bahasa Arab melalui ujian/penilaian yang ditetapkan oleh USIM (IJLA/IKLA/MUAT/Setara)



#### **4 PENGGANTUNGAN PENDAFTARAN UNIVERSITI**

- 4.1 Calon yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian hendaklah melaporkan diri pada tarikh yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran.
- 4.2 Calon yang gagal melaporkan diri pada tarikh yang ditetapkan, melainkan telah mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak Universiti, dianggap menolak tawaran dan tawaran tersebut dianggap terbatal dengan sendirinya.
- 4.3 Calon yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian boleh memohon untuk menggantungkan pendaftarannya sebelum tarikh pendaftaran yang ditetapkan.
- 4.4 Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Ketua BPA dengan menyatakan alasan penangguhan dan disalinkan kepada Dekan.
- 4.5 Tempoh penggantungkan pendaftaran adalah selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester.
- 4.6 Tempoh penggantungkan pendaftaran Universiti tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan dengan perakuan Pengamal Perubatan Berdaftar.
- 4.7 Tempoh penggantungkan pendaftaran Universiti atas sebab-sebab kesihatan adalah tidak boleh melebihi empat (4) semester.
- 4.8 Pelajar yang telah diluluskan penggantungkan pendaftaran tetapi tidak hadir mendaftar pada tarikh yang ditetapkan, tawaran tersebut dianggap terbatal dengan sendirinya.
- 4.9 Pelajar yang telah diberi penggantungkan pendaftaran belum dianggap sebagai pelajar USIM dan dengan demikian pelajar tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan yang biasanya diberi kepada pelajar USIM sehingga pelajar mendaftar sebagai pelajar Universiti.

#### **5 PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN**

- 5.1 Pelajar baharu yang ditawarkan mengikuti program pengajian di USIM tidak dibenarkan membuat pertukaran program pengajian.
- 5.2 Permohonan pertukaran program pengajian hanya terbuka kepada pelajar Semester II hingga Semester IV sahaja, kecuali bagi program Perubatan dan Pergigian.
- 5.3 Permohonan pertukaran program pengajian adalah tertakluk kepada memenuhi syarat kemasukan ke program yang dipohon.

- 5.4 Pelajar dari program aliran sastera dibenarkan bertukar ke program dalam aliran sains.
- 5.5 Pelajar dari program aliran sains tidak dibenarkan bertukar ke program dalam aliran sastera.
- 5.6 Pengecualian dasar di atas diberikan kepada permohonan pertukaran pelajar dari program aliran sains ke program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah dengan Kepujian.
- 5.7 Setiap permohonan pertukaran program pengajian dikenakan yuran pemprosesan sebanyak RM100.00. Pembayaran hendaklah dibuat di Jabatan Bendahari.
- 5.8 Setiap permohonan yang berikutnya dikenakan yuran pemprosesan sebanyak RM200.00. Pembayaran hendaklah dibuat di Jabatan Bendahari. (sebagaimana jadual)
- 5.9 Yuran pemprosesan yang telah dibuat bagi permohonan pertukaran pengajian tidak akan dikembalikan sekalipun permohonan pertukaran pengajian pelajar tidak diluluskan.
- 5.10 Setiap permohonan hendaklah diterima sebelum tamat minggu ketiga sesuatu semester dan jika diluluskan, pertukaran tersebut akan berkuat kuasa pada semester tersebut.
- 5.11 Setiap permohonan yang diterima selepas minggu ketiga sesuatu semester dan jika diluluskan oleh Dekan, pertukaran tersebut akan berkuat kuasa pada semester berikutnya.
- 5.12 Tarikh yang diambil kira bagi penentuan tarikh kuatkuasa pertukaran ini adalah daripada tarikh permohonan lengkap di terima di Bahagian Pengurusan Akademik.
- 5.13 Permohonan hendaklah dibuat melalui Fakulti dengan mendapatkan perakuan Ketua Program dan Dekan Fakulti.
- 5.14 Kelulusan pertukaran program Intra Fakulti (Dalam) adalah di peringkat Dekan Fakulti.
- 5.15 Kelulusan pertukaran program Inter Fakulti (Antara) adalah di peringkat Ketua Bahagian Pengurusan Akademik.
- 5.16 Peraturan ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Permohonan Pertukaran Program Pengajian Sarjana Muda yang sedang berkuatkuasa mengikut tarikh permohonan pelajar.

## **6 PENARIKAN DIRI DARI UNIVERSITI**

- 6.1 Pelajar perlu mengemukakan permohonan tarik diri dari USIM dengan menggunakan Borang Permohonan Tarik Diri dari Universiti dan mendapat pengesahan dari pihak yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan.
- 6.2 BPA akan mengubah status pelajar kepada "Tarik Diri" dalam Modul Perubahan Status Pelajar dalam sistem al-'Aaliyah.
- 6.3 Tarikh kuat kuasa penarikan diri pelajar adalah berdasarkan kepada tarikh permohonan pelajar.

- 6.4 BPA akan mengeluarkan surat pengesahan tarik diri dari USIM dengan mengambil kira beberapa perkara berkenaan bayaran yuran pengajian pelajar.
- 6.5 Bayaran-bayaran yang telah pelajar jelaskan kepada USIM tidak akan dikembalikan kecuali dalam keadaan berikut:
- 6.5.1 Jika pelajar menarik diri sebelum berakhir minggu kedua semester (dikira dari tarikh permulaan semester), 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran yang lain.
- 6.5.2 Jika pelajar menarik diri di antara minggu ketiga hingga minggu kesepuluh semester (dikira dari tarikh permulaan semester), 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan dan tiada sebarang pemulangan yuran yang lain.
- 6.5.3 Jika pelajar menarik diri selepas berakhirnya minggu kesepuluh semester (dikira dari tarikh permulaan semester), tiada sebarang pemulangan yuran pengajian akan dibuat.

## BAHAGIAN C: SESI AKADEMIK, PENDAFTARAN SEMESTER, KURSUS DAN PENJADUALAN

### 7 SESI AKADEMIK

- 7.1 Sesi Akademik Universiti mengandungi dua (2) semester lazim dan cuti akhir semester. Setiap semester lazim mengandungi sekurang-kurangnya 14 minggu perkuliahan, cuti pertengahan semester, tempoh ulangkaji dan dua (2) hingga tiga (3) minggu peperiksaan akhir.
- 7.2 Di samping dua (2) semester lazim, Universiti juga boleh menawarkan Semester Pendek dalam masa cuti akhir sesi akademik. Tempoh Semester Pendek adalah lapan (8) minggu.
- 7.3 Semester pendek tidak termasuk dalam pengiraan bilangan semester yang digunakan dalam tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.
- 7.4 Panduan Pelaksanaan Sesi Akademik adalah seperti di Jadual di bawah:

SEMESTER LAZIM		SEMESTER PENDEK		
<b>SEMESTER I</b>				
Perkuliahan	14 minggu			
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu			
Tempoh Ulangkaji	1 minggu			
Peperiksaan Akhir Semester	3 minggu			
<b>Jumlah (A)</b>	<b>19 minggu</b>			
<b>Cuti Akhir Semester (B)</b>	<b>4 minggu</b>			
<b>SEMESTER II</b>				
Perkuliahan	14 minggu			
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu			
Tempoh Ulangkaji**	1 minggu			
Peperiksaan Akhir Semester	3 minggu			
<b>Jumlah</b>	<b>29 minggu</b>			
<b>Cuti Akhir Sesi Akademik</b>	<b>10 minggu</b>	@	Cuti Akhir	1 minggu

(C)			Semester	
			Perkuliahahan & Peperiksaan	8 minggu
			Cuti Akhir Semester	1 minggu
			<b>Jumlah (D)</b>	<b>10 minggu</b>

**JUMLAH MINGGU PER SESI AKADEMIK (A) + (B) + [(C) atau (D)] = 52 MINGGU**

\* Tertakluk kepada pindaan

\*\* Tempoh ulangkaji tidak diperuntukkan bagi pelajar yang akan mengikuti Latihan Industri dalam semester pendek

**Nota :-**

Tarikh sebenar pelaksanaan Jadual 1 adalah tertakluk kepada Takwim Sesi Akademik yang ditetapkan oleh Universiti.

## 8 PENDAFTARAN

### 8.1 PENDAFTARAN SEMESTER

- 8.1.1 Pelajar diwajibkan untuk mendaftar pada setiap semester pada tarikh yang telah ditetapkan KECUALI pelajar baharu (Semester I, Tahun 1)
- 8.1.2 Bagi pelajar *senior*, pendaftaran semester dibuat oleh pelajar sendiri menerusi portal iStudent pada tarikh yang ditetapkan dan tertakluk kepada pelajar tidak mempunyai hutang tertunggak. Sekiranya pelajar mempunyai hutang yang masih tertunggak, pelajar adalah dihalang daripada mendaftar pada semester tersebut.
- 8.1.3 Pelajar yang terputus pengajian hendaklah membuat pendaftaran semula. Sekiranya pelajar gagal mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar boleh diberhentikan dari pengajian tertakluk kepada:
- 8.1.3.1 perkara 7.8 : Gagal mendaftar dua (2) semester berturut-turut
- 8.1.3.2 perkara 11.4 : Mencapai tempoh pengajian maksimum
- 8.1.4 Pelajar yang gagal mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tersebut boleh dibenarkan mendaftar dengan syarat menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua.
- 8.1.5 Permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan perlu dibuat sekiranya mendaftar selepas minggu keempat (4) perkuliahan. Kegagalan

mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester tersebut sama sekali.

- 8.1.6 Bagi maksud perkara 8.1.5 di atas, status pelajar yang tidak mendaftar akan ditukarkan kepada status Tidak Mendaftar. Yuran yang telah dicaj akan dipulangkan atau dibatalkan selepas minggu semakan daftar kursus dibuat iaitu pada selepas minggu kelima perkuliahan.

## 8.2 PENDAFTARAN KURSUS

- 8.2.1 Pelajar bertanggungjawab untuk mendaftar semua kursus yang ditawarkan mengikut kod dan kumpulan yang betul pada setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang permasalahan hendaklah dirujuk kepada fakulti masing-masing termasuklah bagi penawaran kursus bukan mengikut arus perdana dan pelajar yang tidak berada pada semester lazim.
- 8.2.2 Pendaftaran kursus dibuat secara atas talian (*online*) menerusi portal iStudent mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 8.2.3 Pelajar yang gagal mendaftar kursus pada tempoh yang ditetapkan **DIBENARKAN** mendaftar kursus tertakluk kepada memenuhi syarat 80% kehadiran ke kuliah dengan menjelaskan sejumlah bayaran yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua.
- 8.2.4 Pendaftaran jumlah jam kredit pada setiap semester adalah tertakluk kepada jumlah minimum dan maksimum sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.

## 8.3 PENGESAHAN PENDAFTARAN

- 8.3.1 Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan tiada sebarang kesilapan dalam rekod pendaftaran kursus. Sebarang pembetulan hendaklah dilakukan dalam tempoh tambah/gugur.
- 8.3.2 Pelajar disarankan untuk mencetak kursus yang didaftarkan untuk tujuan simpanan dan rujukan.
- 8.3.3 Pelajar diwajibkan untuk mengesahkan kursus yang diambil pada tarikh yang ditetapkan.
- 8.3.4 Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah/tutorial/makmal mengikut hari dan masa serta kumpulan yang telah ditetapkan dalam jadual waktu yang berkenaan.
- 8.3.5 Pelajar tidak dibenarkan bertukar kumpulan tanpa kebenaran BPA

8.4 Pendaftaran bagi kes-kes khas seperti di bawah adalah tertakluk kepada Garis Panduan program berkenaan.

- 8.4.1 Pengajian Jarak Jauh (PJJ)
- 8.4.2 Program dwi-ijazah/*double degree*
- 8.4.3 Program kerjasama/*offshore*
- 8.4.4 *Program Francais*
- 8.4.5 *Program Joint Degree*

### 8.5 TAMBAH DAN GUGUR KURSUS

- 8.5.1 Pelajar boleh melakukan penambahan kursus dalam tempoh dua (2) minggu pertama perkuliahan pada setiap semester berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.
- 8.5.2 Permohonan penambahan jam kredit bagi kursus ko-kurikulum adalah tidak termasuk dalam pengiraan jumlah jam kredit keseluruhan pada setiap semester.
- 8.5.3 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama perkuliahan pada setiap semester.
- 8.5.4 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum jam kredit bagi sesuatu semester sebagaimana dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti.
- 8.5.5 Kursus yang telah digugurkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.
- 8.5.6 Urusan tambah dan gugur kursus dibuat secara atas talian (*online*) menerusi portal iStudent mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

### 8.6 TARIK DIRI KURSUS

- 8.6.1 Pelajar dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri dibuat selepas berakhirnya minggu keempat (4) perkuliahan dan selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh (10) perkuliahan dan hendaklah mendapat kebenaran Dekan. Kursus tersebut akan dianggap sebagai "TD" (Tarik Diri) tertakluk kepada Peraturan 15.6.5.
- 8.6.2 Sebarang yuran yang telah dicaj dan dibayar tidak akan dikembalikan.

- 8.6.3 Pelajar yang gagal menyerahkan projek ilmiah/latihan ilmiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah memohon secara bertulis dalam tempoh dua (2) minggu daripada hari terakhir Peperiksaan Akhir Semester pada semester tersebut kepada Dekan untuk membawa gred “TL” (Tidak Lengkap) ke semester berikutnya tanpa dikenakan caj yuran pengajian dengan mengemukakan alasan yang munasabah, sebelum dibenarkan mendaftar kursus bagi projek ilmiah/latihan ilmiah mereka mengikut Peraturan 8.2.2.
- 8.6.4 Sekiranya tidak mendapat kelulusan Dekan, pelajar akan diberikan gred “F” untuk projek ilmiah/latihan ilmiah tersebut dan perlu mendaftar semula pada semester berikutnya dan dikenakan caj yuran pengajian mengikut peraturan 8.2.3.
- 8.6.5 Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.

## 9 PENGULANGAN KURSUS

- 9.1 Pelajar yang gagal bagi mana-mana kursus diwajibkan mengulang kursus tersebut kecuali bagi kursus yang tidak memerlukan pelajar berbuat demikian.
- 9.2 Pelajar dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred “C-” dan “D” manakala bagi program Senibina dan Kejuruteraan, pengulangan kursus adalah tertakluk kepada peraturan pengajian program yang berkenaan. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambil kira sebagai gred akhir tanpa mengambil kira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

## 10 PEMINDAHAN KREDIT

- 10.1 Pemindahan kredit bermaksud pemindahan jam kredit bersama-sama dengan gred yang diperolehi bagi kursus yang diambil oleh pelajar sebelum mengikuti program pengajian Sarjana Muda di USIM. Pelajar akan mendapat kredit bagi kursus yang dipindahkan kredit dan tidak perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut.

### 10.2 Pemindahan Kredit (*Horizontal*)

- 10.2.1 Pemindahan kredit (*horizontal*) iaitu pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama iaitu Ijazah Sarjana Muda ke Ijazah Sarjana Muda:
- (a) Tiada had pemindahan kredit ditetapkan bagi pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan program sedang diikuti, dan bagi pelajar yang berhenti belajar (bukan gagal dan diberhentikan (GDB)) daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi dalam program lain di peringkat yang sama.

- (b) Pemindahan kredit adalah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit program yang sedang diikuti bagi pelajar yang sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di IPT yang lain (program mobiliti atau program pertukaran pelajar).
- (c) Pelajar hanya akan diberikan pemindahan kredit sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya (ketika pelajar berada di semester pertama dalam program yang baru diikuti). Walau bagaimanapun, pemindahan kredit bagi pelajar yang mengikuti program mobiliti atau program pertukaran pelajar tidak tertakluk kepada peraturan ini.
- (d) Kursus yang diberi pemindahan kredit tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar dan akan disenaraikan dalam transkrip akademik pelajar dengan nilai gred PK. Gred bagi kursus yang akan diambil kira dalam pemindahan kredit ini adalah berdasarkan gred yang diperoleh oleh pelajar semasa mengikuti kursus di program/IPT asal. Walau bagaimanapun, pemindahan kredit bagi pelajar yang mengikuti program mobiliti atau program pertukaran pelajar tidak tertakluk kepada peraturan ini.
- (e) Bagi pelajar yang mengikuti program mobiliti atau program pertukaran pelajar, kursus yang diberi pemindahan kredit akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK pelajar. Pihak Fakulti/Pusat perlu mendapatkan markah keseluruhan sebenar bagi kursus yang ingin diambil kira dalam pemindahan kredit ini daripada IPT berkenaan. Gred bagi kursus terbabit akan ditentukan dengan mengenal pasti kedudukan markah di julat markah yang berkenaan di dalam jadual gred dan nilai gred yang diguna pakai di USIM.

### 10.3 Pemindahan Kredit (*Vertical*)

10.3.1 Pemindahan kredit (*vertical*) iaitu pemindahan kredit daripada program di peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Diploma ke Sarjana Muda:

- (a) Pemindahan kredit adalah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit program Sarjana Muda yang akan diikuti.
- (b) Pelajar hanya akan diberikan pemindahan kredit sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya (ketika pelajar berada di Semester I, Tahun 1).
- (c) Kursus yang diberi pemindahan kredit tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar dan akan disenaraikan dalam transkrip akademik pelajar dengan nilai gred PK. Gred bagi kursus yang akan diambil kira dalam pemindahan kredit ini adalah berdasarkan gred yang diperoleh oleh pelajar semasa mengikuti kursus di peringkat Diploma.



- (d) Sejumlah bayaran perlu dijelaskan oleh pelajar seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua.
- 10.3.2 Gred minimum yang diperolehi bagi sesuatu kursus yang setara di peringkat program pengajian yang berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya Gred C (tertakluk kepada perubahan dan penentuan oleh pihak MQA).
- 10.3.3 Bagi kes pelajar yang pernah mengulang kursus, gred terakhir yang diperolehi boleh diterima pakai untuk diambil kira semasa proses pertimbangan pemindahan kredit dilakukan.

## 11 TEMPOH PENGAJIAN

- 11.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian adalah berdasarkan kepada tempoh maksimum dan minimum yang ditetapkan dalam peraturan pengajian program yang diikuti seperti jadual berikut:

Tahun Pengajian	Tempoh pengajian (semester)	Tempoh maksimum pengajian (semester)
3 Tahun	6	10 (5tahun)
4 Tahun	8	12 (6 tahun)
5 Tahun	10	14 (7 tahun)
5 Tahun (FPg)	10	16 (8 Tahun)*
6 Tahun	12	16 (8 tahun)

\*Keperluan Badan Profesional program

- 11.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum itu boleh diberi oleh Senat Universiti kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- 11.3 Bagi pelajar yang diberikan pemindahan kredit untuk beberapa kursus, tempoh minimum pengajian yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada baki jumlah bilangan jam kredit dan penawaran kursus oleh Fakulti.
- 11.4 Bagi pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian tetapi belum layak untuk menamatkan pengajian tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.
- 11.5 Bagi kes pelajar bertukar program, pengiraan tempoh maksimum pengajian adalah turut tertakluk kepada jadual di atas.

## 12 PENANGGUHAN PENGAJIAN

12.1 Penangguhan pengajian pelajar boleh dipertimbangkan dalam keadaan berikut:

12.1.1 Atas sebab-sebab kesihatan:

- (a) Pelajar yang sakit untuk tempoh melebihi tujuh (7) hari dengan perakuan daripada pengamal perubatan berdaftar. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk pelajar mendaftar semula adalah tertakluk kepada perakuan pengamal perubatan berdaftar yang memberi rawatan.
- (b) Pelajar yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran perlu dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

12.1.2 Pelajar yang menghadapi masalah lain (masalah kewangan, keluarga, bahasa, peribadi dan sebagainya selain daripada sebab-sebab kesihatan) yang boleh menjejaskan pengajian pelajar itu pada semester berkenaan.

12.1.3 Pelajar yang diluluskan untuk mengikuti program Gap Year untuk tempoh satu (1) semester atau lebih.

12.2 Penangguhan pengajian hendaklah diuruskan sendiri oleh pelajar dengan mengisi Borang Permohonan Penangguhan Pengajian.

12.3 Penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Dekan Fakulti.

12.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke-10 perkuliahan sesuatu semester. Permohonan selepas tempoh ini tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar atas sebab-sebab kesihatan yang telah disahkan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai pengamal perubatan berdaftar.

12.5 Selepas kelulusan penangguhan diberikan, semua kursus yang telah didaftar pada semester berkenaan akan terbatal.

12.6 Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi 2 semester berturut-turut, hendaklah dirujuk kepada Lembaga Perubatan Universiti. Senat akan membuat keputusan berdasarkan kepada syor Lembaga Perubatan.

12.7 Semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab kesihatan tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah. Walau bagaimanapun, semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab lain akan diambil kira untuk tujuan yang sama.

- 12.8 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang dinyatakan dalam peraturan pengajian program yang diikuti (sebagaimana perkara 11.1 di atas) kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- 12.9 Permohonan perlu dibuat pada setiap semester bagi penangguhan pengajian melebihi satu (1) semester.
- 12.10 Pelajar yang telah diberikan kelulusan untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester perlu mendaftar semula pengajian pada semester berikutnya. Bagi pelajar yang tidak diluluskan permohonan penangguhan pengajian tersebut, pengajian pada semester yang sedang diikuti perlu diteruskan.
- 12.11 Sekiranya pelajar yang tidak diluluskan permohonan penangguhan pengajian untuk sesuatu semester tidak meneruskan pengajian (tidak mendaftar kursus) pada semester tersebut, pelajar akan diberikan status "Tidak Mendaftar". Pelajar yang gagal mendaftar kursus bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan diberhentikan pengajian oleh Senat Universiti.
- 12.12 Pelajar yang telah diberikan penangguhan pengajian akan terputus dari pengajian dan hilang tarafnya sebagai pelajar USIM dan dengan demikian pelajar tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan USIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga pelajar mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.
- 12.13 Visa pelajar bagi pelajar bukan warganegara yang telah diberikan penangguhan pengajian akan dibatalkan dan penyambungan semula visa pelajar tersebut adalah tertakluk kepada pendaftaran semula pengajian pada semester berikutnya.
- 12.14 Sekiranya pelajar mempunyai penaja, pelajar bertanggungjawab memaklumkan penangguhan pengajian kepada penaja. Caj yuran yang telah dibayar akan dikembalikan kepada pelajar mengikut penetapan seperti perkara 12.15 di bawah.
- 12.15 Penetapan caj yuran pada semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian adalah seperti berikut:

Bil.	Tempoh permohonan	Peraturan penetapan caj yuran	
		Yuran pengajian	Yuran lain
1	Sebelum perkuliahan semester yang berkenaan bermula	* 0%	* 0%
2	Dua (2) minggu pertama perkuliahan semester yang berkenaan	* 25%	100%
3	Minggu ke-3 hingga ke-10 perkuliahan semester yang berkenaan	* 50%	100%
4	Selepas minggu ke-10 perkuliahan semester yang berkenaan	100%	100%

\* Bayaran yang telah dijelaskan akan dikembalikan berdasarkan baki kadar peraturan penetapan caj yuran dan tempoh permohonan.

12.16 Setelah kelulusan tangguh pengajian diberikan, pelajar tidak boleh menarik balik permohonan yang telah diluluskan tersebut.

### **13 PENGAMBILAN KURSUS SECARA PENSETARAAN/PEMBELAJARAN KENDIRI (INDEPENDENT STUDIES)**

13.1 Pelajar yang berada dalam tahun akhir pengajian (Semester Lazim) boleh mengambil suatu kursus secara pensetaraan/pembelajaran sendiri (*independent studies*) sekiranya;

- 13.1.1 Kursus tersebut tidak ditawarkan dalam suatu semester yang sedang diikuti, atau
- 13.1.2 Berlaku pertindihan jadual waktu sebenar kursus tersebut dengan kursus-kursus lain yang diambil oleh pelajar terbabit; atau
- 13.1.3 Mengambil kursus ulangan.

13.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan bagi tujuan ini kepada Fakulti. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan.

### **14 PENGGANTUNGAN PENGAJIAN**

14.1 Pelajar yang didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib oleh pihak berkuasa tata tertib USIM boleh digantung pengajian bagi suatu tempoh yang ditetapkan.

14.2 Semua kursus yang telah didaftar pada semester berkenaan dengan sendirinya akan terbatal.

14.3 Kesan pengantungan pengajian terhadap pelajar adalah seperti berikut:

- 14.3.1 Pelajar terputus daripada pengajian;
- 14.3.2 Tempoh pengantungan pengajian akan dikira bagi tujuan tempoh pengajian di Universiti;
- 14.3.3 Pengantungan akan memberi kesan kepada biasiswa/bantuan kewangan yang diberikan oleh penaja;
- 14.3.4 Pelajar lewat menamatkan pengajian;
- 14.3.5 Pelajar tidak dibenarkan menggunakan kemudahan dan peralatan Universiti sepanjang tempoh pengantungan;
- 14.3.6 Pelajar tidak layak menerima apa-apa pemulangan dan pihak Universiti berhak membuat tuntutan terhadap caj yuran dan apa jua caj tertunggak daripada pelajar.

**PENAMATAN PENGAJIAN ATAS SEBAB KESIHATAN**

- 15.1 Seseorang pelajar yang telah berdaftar di sesebuah IPT boleh ditamatkan pengajian atau diberikan status diberhentikan sekiranya pihak Universiti berpuas hati terhadap penerangan pegawai perubatan berdaftar bahawa pelajar tersebut tidak berupaya untuk meneruskan pengajian atas sebab-sebab kesihatan.
- 15.2 Prosedur bagi penamatan adalah sebagaimana berikut:
- 15.2.1 Penubuhan Lembaga Perubatan di peringkat Universiti;
- 15.2.2 Pelajar dirujuk kepada Lembaga Perubatan Universiti;
- 15.2.3 Lembaga Perubatan Universiti apabila memeriksa pelajar perlu mengemukakan laporan sebagaimana yang ditetapkan;
- 15.2.4 Lembaga Perubatan boleh diadakan semasa berlaku salah satu keadaan yang berikut:
- a) apabila seseorang pelajar telah membuat penangguhan pengajian atas sebab kesihatan bagi tiga (3) semester berturut-turut dan masih tidak sihat;
  - b) apabila kesihatan badan atau mental pelajar diragukan;
  - c) seorang pegawai perubatan telah memperakukan sedemikian;
  - d) apabila seorang pelajar mengidap penyakit kritikal yang merbahaya seperti tibi, kusta atau barah;
  - e) untuk menentukan sama ada seorang pelajar memerlukan rawatan di luar negeri.
- 15.2.5 Laporan perubatan tersebut perlu mengandungi pendapat Lembaga Perubatan sama ada penyakit yang dihidapi oleh pelajar:
- a) akan menjadi kekal;
  - b) akan menyebabkan pelajar tidak layak meneruskan pengajian kerana boleh mengakibatkan tahap kesihatan menjadi semakin teruk atau kritikal
  - c) atas sebab keperluan badan profesional program yang diikuti
- 15.2.6 Sekiranya jawapan bagi mana-mana pelaporan bagi perkara 15.2.5 tersebut adalah 'Ya', pelajar dianggap tidak sihat untuk meneruskan semula pengajian dan dinasihatkan untuk ditamatkan pengajian atas sebab-sebab kesihatan.

## BAHAGIAN D: PEPERIKSAAN

### 16 STRUKTUR PENILAIAN

- 16.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini merangkumi penilaian berterusan sepanjang semester dan/atau peperiksaan akhir semester tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 16.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus yang diambil adalah berdasarkan kepada peratusan pemberat 30% hingga 70% daripada kerja kursus dan 30% hingga 70% lagi daripada peperiksaan akhir semester kecuali kursus-kursus yang tiada peperiksaan akhir.
- 16.3 Penilaian nilai gred bagi kursus Keusahawanan (WF) yang diambil adalah berdasarkan kepada peratusan pemberat 20% hingga 80%.
- 16.4 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam Transkrip Akademik Rasmi.
- 16.5 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Julat Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 – 100	4.00	Cemerlang
A-	75 – 79	3.75	Cemerlang
B+	70 – 74	3.50	Kepujian
B	65 – 69	3.00	Kepujian
B-	60 – 64	2.75	Memuaskan
C+	55 – 59	2.50	Memuaskan
C	50 – 54	2.00	Lulus
C-	45 – 49	1.75	Lulus
D	40 – 44	1.00	Lulus
F	0 – 39	0.00	Gagal
TH	Tidak Hadir	0.00	Gagal
X	Dihalang	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	-	-
TL	Tidak Lengkap	-	-
SM	Sedang Maju	-	-
U	Audit	-	-
TD	Tarik Diri	-	-
TG	Tanggung Pengajian	-	-
TP	Tanggung Peperiksaan	-	-
T	Tatatertib	-	-

- 16.6 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred adalah seperti berikut:

- 16.6.1 “L/G” (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Ulangan Khas (UK) dan gred yang diberikan hanya “L” atau “G” (Lulus atau Gagal).
- 16.6.2 “TL” (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus (projek ilmiah, ...) atas alasan yang munasabah dengan kebenaran Dekan. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- (a) Kredit bagi kursus tersebut tidak diambil kira bagi maksud purata nilai gred sehinggalah kursus itu diikuti dengan sempurna dan mendapat gred tertentu selepas mengikuti penilaian sewajarnya.
  - (b) Sekiranya pelajar gagal melengkapkan kursus dengan memuaskan dalam tempoh yang ditetapkan pelajar akan diberi taraf gagal bagi kursus tersebut.
- 16.6.3 “SM” (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu (1) semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila gred “SM” digantikan dengan gred biasa.
- 16.6.4 “U” (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- 16.6.5 “TD” (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu kelima (5) dan minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- 16.6.6 “TG” (Tangguh Pengajian) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 16.6.7 “TP” (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang telah diluluskan untuk menangguhkan peperiksaan di bawah Peraturan 21.

- 16.6.8 "TH" (Tidak Hadir) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang tidak hadir untuk menduduki peperiksaan akhir semester kursus tersebut.
- 16.6.9 "X" (Dihalang) iaitu gred bagi sesuatu kursus yang diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir semester/penilaian akhir kursus tersebut.
- 16.6.10 "T" (Tatatertib) iaitu gred sementara yang diberikan kepada pelajar yang terlibat dalam salah laku peperiksaan bagi sesuatu kursus.

## 17 SISTEM PENILAIAN DAN PURATA NILAI GRED

- 17.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira PNGS dan PNGK kecuali kursus-kursus tertentu yang ditetapkan oleh Senat.
- 17.2 Kursus yang mendapat gred "F" (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 17.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK dan dengan ini gred "F" (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan tidak digugurkan dalam pengiraan PNGS dan PNGK tersebut.
- 17.4 Pengiraan PNGS dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

17.4.1  $\text{PNGS} =$

Jumlah \*nilai kredit yang diperolehi pada sesuatu semester

Jumlah unit kredit yang terkumpul dalam semester yang sama

### Contoh : Semester I

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA1013	A	4.00	3	12.00
AAA1033	B+	3.50	3	10.50
AAA1053	A-	3.75	3	11.25
AAA1073	F	0.00	3	00.00
AAA1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

**PNGS** =  $41.25/15$   
= **2.75**



17.4.2 PNGK =

Jumlah \*nilai kredit yang diperolehi di semua semester

Jumlah unit kredit yang terkumpul di semua semester

**Contoh : Semester I**

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Jam Kredit
AAA1013	A	4.00	3	12.00
AAA1033	B+	3.50	3	10.50
AAA1053	A-	3.75	3	11.25
AAA1073	F	0.00	3	00.00
AAA1093	C+	2.50	3	7.50
<b>JUMLAH (A)</b>			<b>15</b>	<b>41.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGS} &= 41.25/15 \\ &= 2.75 \end{aligned}$$

**Contoh : Semester II**

Kursus	Gred	Nilai gred	Jam Kredit	*Nilai Gred x Unit Kredit
AAA1023	A	4.00	3	12.00
AAA1043	B+	3.50	3	10.50
AAA1063	C+	2.50	3	7.50
AAA1083	A	4.00	3	12.00
AAA1103	D	1.00	3	03.00
<b>JUMLAH (B)</b>			<b>15</b>	<b>45.00</b>
<b>JUMLAH BESAR (A+B)</b>			<b>30</b>	<b>86.25</b>

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= 86.25/30 \\ &= 2.88 \end{aligned}$$

17.5 Unit Ambil merupakan semua jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester termasuk kursus yang tiada peperiksaan akhir.

17.6 Unit Lulus merupakan jumlah kredit bagi semua kursus yang pelajar telah lulus dalam sesuatu semester termasuk kursus yang tiada peperiksaan akhir.

17.7 Unit Kira merupakan jumlah kredit yang diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK. Kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK adalah seperti yang terkandung dalam Jadual Pertama.


17.8 Keputusan penilaian kursus pelajar akan dipaparkan didalam format iCGPA pada setiap semester melalui portal iStudent.

Contoh keputusan peperiksaan pelajar

**Modul iCGPA / Result (iCGPA)\_MOE**

Student's Info																									
Matic					1160241					Name					IRFANI BEN YAHAYA										
Result																									
No	KODK	KETERANGAN	TARAF	KREDIT	GRE1	LO1	GRE1	LO2	GRE2	LO3	GRE3	LO4	GRE4	LO5	GRE5	LO6	GRE6	LO7	GRE7	LO8	GRE8	LO9	GRE9	TPPOINT	STAT
1.	AA01013	PRINSIP DAN AMALAN KOMUNIKASI DA'WAH	WF	3	A-	4.00	A	3.75	A-					3.50	B+									11.25	LULUS
2.	BA02022	BAHASA ARAB KOMUNIKASI	WU	2	C+	1.00	D							3.75	A-									5.00	LULUS
3.	BA02012	BAHASA INGGERIS UNTUK KOMUNIKASI	WU	2	A-	3.50	B+							4.00	A									7.50	LULUS
4.	CSC1042	TAKRAW	WU	2	A								4.00	A	4.00	A	4.00	A						8.00	LULUS
5.	SFS1012	KAEWAH EKSPERIMEN DAN INSTRUMENTASI	WP	2	B+	4.00	A			2.75	B-													7.00	LULUS
6.	SFS1022	PENGENALAN MEKANIK	WP	2	B	2.75	B-			3.00	B													6.00	LULUS
7.	SMS1023	STATISTIK	WF	3	C	2.00	C			1.00	D													6.00	LULUS
8.	LTE1012	HUBLINGAN ETNIK	WU	2	A-					4.00	A	4.00	A			3.50	B+							7.50	LULUS
Semester																									
KPA					3.24																				
Cumulative																									
iCGPA					3.24																				

No	Kod	Keterangan
1.	MQF1	KNOWLEDGE
2.	MQF2	PRACTICAL SKILLS
3.	MQF3	SOCIAL SKILLS AND RESPONSIBILITY
4.	MQF4	VALUES, ATTITUDES AND PROFESSIONALISM
5.	MQF5	COMMUNICATIONS, LEADERSHIP AND TEAMWORK SKILLS
6.	MQF6	PROBLEM SOLVING SKILLS AND SCIENTIFIC SKILLS
7.	MQF7	INFORMATION MANAGEMENT AND LIFELONG LEARNING SKILLS
8.	MQF8	MANAGERIAL AND ENTREPRENEURIAL SKILLS



Contoh Cara pengiraan pointer MOE 1=

Pointer LO1 x Jum.Kredit ÷ Jumlah kredit

$$4.00 \times 3 = 12$$

$$1.00 \times 2 = 2$$

$$3.50 \times 2 = 7$$

$$4.00 \times 2 = 8$$

$$2.75 \times 2 = 8$$

$$2.00 \times 3 = 6$$

$$\text{JUMLAH} = 40.5/14 = \text{pointer MOE } 1 = 2.89$$

## 18 KEHADIRAN PELAJAR

- 18.1 Pelajar diwajibkan menghadiri kuliah/tutorial/makmal/studio/latihan industri/ latihan amali/ pra-praktikum/ praktikum/ latihan mengajar/ klinikal/ program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain seperti yang ditetapkan dalam struktur penawaran program.
- 18.2 Kehadiran kuliah/tutorial/makmal/studio/latihan industri/latihan amali/ pra-praktikum/praktikum/latihan mengajar/klinikal/program sangkutan/ *internship* / dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan, pelajar tersebut tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir semester setelah Dekan dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.
- 18.2.1 Keperluan 80% kehadiran turut terpakai kepada kursus yang tiada peperiksaan akhir. Pelajar dianggap gagal sekiranya tidak memenuhi keperluan tersebut.
- 18.2.2 Pelajar yang tidak memenuhi komponen penilaian kursus yang diperlukan dan tidak hadir bagi mana-mana kertas Peperiksaan Akhir Semester dianggap gagal keseluruhan kursus berkenaan.
- 18.3 Kehadiran pelajar ke kuliah/tutorial/makmal/studio perlu direkodkan di dalam sistem eHadir.
- 18.4 Pelajar yang berstatus mendaftar sahaja yang boleh mengakses sistem eHadir. Rekod pelajar yang berstatus tidak mendaftar tiada dalam sistem eHadir dan kehadiran mereka ke kuliah/tutorial/makmal/studio tidak akan diambil kira di dalam sistem kehadiran.

## 19 PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 19.1 Tarikh Peperiksaan Akhir Semester adalah sepertimana yang terkandung dalam Takwim Akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 19.2 Semua pelajar wajib menghadiri peperiksaan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

## 20 JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

- 20.1 Jadual Peperiksaan Akhir Semester yang disediakan oleh BPA akan dipaparkan melalui iStudent dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan bermula.

- 20.2 Sebarang pertindihan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester perlu dilaporkan kepada BPA.
- 20.3 Peperiksaan bagi kursus yang mempunyai jumlah pelajar yang kurang daripada 15 orang pelajar akan dijalankan secara nyah pusat oleh pemilik kursus bagi menjimatkan masa, kos operasi dan slot jadual peperiksaan. Walau bagaimanapun tempoh peperiksaan tersebut perlu diadakan pada Minggu Ulang kaji atau selepas minggu ke-14 perkuliahan.
- 20.4 Semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian diwajibkan membuat penilaian eNilai sebelum mencetak Slip Jadual Peperiksaan Akhir Semester.

## **21 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**

- 21.1 Keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Senat Universiti dipaparkan secara (*online*) atas talian melalui portal iStudent dan dicetak sendiri oleh pelajar sebagai rekod.
- 21.2 Cetakan yang diperolehi melalui paparan tersebut adalah diiktiraf sebagai cetakan rasmi di mana tiada tandatangan diperlukan.
- 21.3 Universiti berhak menahan keputusan peperiksaan sekiranya pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

## **22 PEPERIKSAAN SEMULA**

- 22.1 Universiti berhak mengadakan peperiksaan semula pada bila-bila masa sekiranya perlu dalam keadaan berikut:
  - 22.1.1 Berlaku kebocoran soalan Peperiksaan Akhir;
  - 22.1.2 Calon tidak dapat menduduki Peperiksaan Akhir kerana bencana alam/masalah luar jangka;
  - 22.1.3 Arahan Naib Canselor.

## **23 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN**

- 23.1 Pelajar yang sakit sewaktu peperiksaan boleh memohon Peperiksaan Gantian daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan akhir semester kursus berkenaan.
- 23.1 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 23.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan Sijil Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh Pengamal

Perubatan Berdaftar yang merawat pelajar berkeenaan seperti dalam Peraturan 12.1 Slip Masa (*Time slip*) adalah tidak dibenarkan sama sekali.

23.2.1 Permohonan atas sebab-sebab lain kecuali atas sebab kelalaian dan kealpaan pelajar, boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan yang menawarkan kursus berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

23.2.2 Ketua BPA boleh untuk tidak mempertimbangkan permohonan pelajar yang telah diluluskan oleh Dekan sekiranya bercanggah dengan Peraturan Penangguhan Peperiksaan ini.

## **24 PEPERIKSAAN GANTIAN**

24.1 Pelajar yang sakit/terlibat dengan kes luar jangka seperti bencana alam sewaktu Peperiksaan Akhir Semester/bagi kes yang dipertimbangkan oleh Dekan pemilik kursus, boleh memohon menduduki Peperiksaan Gantian daripada Dekan yang menawarkan kursus untuk kelulusan penangguhan Peperiksaan Akhir Semester kursus berkeenaan dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan kursus tersebut diadakan.

24.2 Peperiksaan Gantian hanya akan dibuat sekali sahaja pada setiap semester iaitu pada dua (2) minggu pertama semester yang berikutnya tertakluk kepada keperluan pengijazahan.

24.3 Pelajar yang tidak menghadirkan diri pada tarikh Peperiksaan Gantian yang telah ditetapkan akan diberikan taraf Gagal (F) dan dikehendaki mengulang kursus pada semester ianya ditawarkan.

24.4 Sebarang rayuan untuk menduduki Peperiksaan Gantian Kali Kedua tidak akan dipertimbangkan.

24.5 Status kursus yang terlibat dengan Peperiksaan Gantian adalah Tangguh Peperiksaan (TP) sehingga keputusan peperiksaan tersebut diperolehi.

24.6 Pendaftaran kursus pada semester Peperiksaan Gantian tersebut diadakan adalah pendaftaran kursus bersyarat sehingga keputusan Peperiksaan Gantian berkeenaan diperolehi tertakluk kepada Peraturan-peraturan 27.1, 27.2 dan 27.3.

24.7 Peperiksaan Gantian bagi program kerjasama/*offshore* akan diurusetia dan dilaksanakan di kampus masing-masing tertakluk kepada Jadual Peperiksaan / Taqwim Akademik Kampus Induk USIM.

## **25 PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS**

- 25.1 Peperiksaan Ulangan Khas adalah peperiksaan yang diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu (1) kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dengan syarat pelajar tersebut telah menduduki Peperiksaan Akhir Semester kursus berkenaan.
- 25.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis atau dalam bentuk penilaian yang ditetapkan oleh Fakulti dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Gred yang diberikan hanya “L” atau “G” (Lulus atau Gagal).
- 25.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua BPA dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sejumlah bayaran akan dikenakan untuk tujuan ini.

## **26 PENYIMPANAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN**

- 26.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 26.2 Semua skrip hendaklah disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 26.3 Semua skrip jawapan peperiksaan tidak boleh dimusnahkan kecuali sekurang-kurangnya selepas tamat tempoh tiga (3) bulan (tertakluk kepada keperluan Fakulti) seperti yang tersebut di dalam Peraturan 24.2.
- 26.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

## **27 RAYUAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS**

- 27.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Ketua BPA. Rayuan tersebut hendaklah dibuat selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi—sehingga minggu pertama perkuliahan sesuatu semester berakhir. Rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 27.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.

- 27.3 Sejumlah bayaran seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua yang ditetapkan bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 27.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua BPA hendaklah merujuk kepada Dekan yang berkaitan. Dekan selepas berunding dengan Penyelaras Kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah Panel Pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 27.5 Panel Pemeriksa hendaklah terdiri daripada Dekan atau wakilnya sebagai Pengerusi, Ketua Program pelajar yang berkenaan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan pemeriksa kedua yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 27.6 Pemeriksa kedua perlu menilai semula markah penilaian kursus pelajar sebelum panel pemeriksa bersidang.
- 27.7 Sebarang perubahan markah/gred sama ada dikekalkan atau dipinda adalah tertakluk kepada perakuan Panel Pemeriksa di mana perakuan tersebut hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan mesyuarat Fakulti mengenai penilaian semula kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat Universiti sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 27.8 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak akan dipertimbangkan.

## **28 RAYUAN MENERUSKAN SEMULA PENGAJIAN**

- 28.1 Seseorang pelajar yang diberhentikan oleh sebab tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut atau telah mencapai tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan (Rujuk perkara Tempoh Pengajian), boleh mengemukakan rayuan bagi meneruskan semula pengajian mengikut tatacara berikut:
- 28.1.1 Rayuan meneruskan semula pengajian hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Dekan.
- 28.1.2 Sejumlah bayaran akan dikenakan seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan.
- 28.1.3 Fakulti melalui Jawatankuasa Rayuan akan membuat proses penilaian sepertimana perkara 28.3 di bawah.
- 28.2 Manakala bagi pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal dalam peperiksaan, tatacara rayuan adalah seperti berikut:

- 28.2.1 Sesuatu rayuan untuk meneruskan semula pengajian hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Ketua BPA;
- 28.2.2 Rayuan tersebut hendaklah dibuat selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi sehingga minggu pertama perkuliahan sesuatu semester berakhir;
- 28.2.3 Pelajar rayuan kes GDB ini akan dikenakan sejumlah bayaran yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan.
- 28.2.4 Rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 28.3 Proses penilaian rayuan meneruskan semula pengajian adalah seperti berikut:
- 28.3.1 Apabila diterima sesuatu rayuan, Ketua BPA hendaklah merujuk kepada Dekan. Dekan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 28.3.2 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan, penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti yang berkaitan.
- 28.3.3 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
- menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan; dan
  - memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan sama ada diterima atau ditolak.
- 28.3.4 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara di atas hendaklah dikemukakan kepada Senat Universiti untuk pengesahan.
- 28.4 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat Universiti adalah muktamad. Tiada sebarang rayuan bagi kes ini.
- 28.5 Rayuan meneruskan semula pengajian hanya dibenarkan SEKALI SAHAJA sepanjang tempoh pengajian.
- 28.6 Pelajar yang telah diluluskan rayuan untuk meneruskan semula pengajian, jika PNGK bagi keputusan peperiksaan semester berikutnya masih di bawah 2.00, maka Keputusan Status Peperiksaan (KSTP) pelajar tersebut adalah dikekalkan kepada Gagal dan Diberhentikan (GDB).

Contoh: Pelajar A

Semester	Keputusan Peperiksaan Mengikut (PNGK)	Keputusan Status Peperiksaan (KSTP)	Merayu Meneruskan Semula Pengajian
I	1.86	Lulus Bersyarat (LBS)	
II	1.93	Gagal dan Diberhentikan (GDB)	Layak Pertama Kali
III	1.83	Gagal dan Diberhentikan (GDB)	Tidak layak



## **29 KEPUTUSAN STATUS PEPERIKSAAN (KSTP)**

29.1 Berdasarkan kepada pencapaian PNGK, pelajar diberi status keputusan peperiksaan akhir dan penilaian seperti berikut:

- LDI : Layak dan Dianugerahkan Ijazah
- TDI : Tidak Dianugerahkan Ijazah (bagi kes belum memenuhi keperluan MUET/Setara)
- LTP : Lulus Terus Pengajian
- LBS : Lulus Bersyarat (bagi kes PNGK berada di bawah 2.00).
- GDB : Gagal dan Diberhentikan (Bagi Kes LBS dua (2) semester berturutan dan PNGK di bawah 2.00)

## **30 SYARAT KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN**

30.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.

30.2 Lulus Bersyarat:

30.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 hingga 1.99.

30.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat pada Peraturan 27.2.1, pelajar tersebut dianggap Gagal dan Diberhentikan.

30.3 Gagal:

30.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan Diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 (termasuk pelajar Tahun 1, Semester I di mana PNGK sama dengan PNGS) atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh Peraturan 27.2.2 di atas.

## **31 SALAH LAKU PEPERIKSAAN**

31.1 Semua pelajar tertakluk kepada Kaedah 1(b) dan Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

31.2 Selain itu, pelajar yang telah terbukti melakukan plagiarisme dalam projek ilmiah/tesis/projek tahun akhir, Dekan pemilik kursus berkenaan berhak menggagalkan pelajar bagi kursus berkenaan.

31.1 Pelajar yang didapati bersalah akan dihukum mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 mengikut keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti. Pelajar boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:

- (i) Amaran;
- (ii) Denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
- (iii) Dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (iv) Digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; atau
- (v) Dipecat daripada Universiti.

31.2 Sekiranya pelajar disabitkan kesalahan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti, Senat Universiti boleh mengambil tindakan salah satu hukuman-hukuman berikut:

- ii. Pelajar diberi gred "F" atau Gagal bagi kursus yang terlibat; atau
- iii. Pelajar diberi gred "F" atau Gagal bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

## **BAHAGIAN E: PENGIJAZAHAN**

### **32 STRUKTUR PENGIJAZAHAN**

32.1 Jumlah Unit dan Komposisi Kursus

32.1.1 Untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah jam kredit minimum yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam peraturan pengajian program yang diikuti meliputi komponen seperti berikut:

- (a) Kursus Wajib Universiti (WU);
- (b) Kursus Wajib Fakulti (WF);
- (c) Kursus Wajib Program (WP); dan
- (d) Kursus Elektif Program (EP).

32.2 Penilaian untuk Mendapatkan Ijazah

32.2.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

- (a) memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada Peraturan-peraturan 16.1, 16.2 dan 16.3; dan
- (b) memperoleh sekurang-kurangnya unit minimum daripada kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan pengajian program yang diikuti.

### 32.3 Pengurniaan Ijazah

32.3.1 Ijazah yang dikurniakan adalah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas	Kelulusan
3.67 - 4.00	Pertama;	Diluluskan oleh Mesyuarat Senat Universiti kali ke-90 Bil.6/2015
3.00 - 3.66	Kedua Bahagian Atas;	
2.50 - 2.99	Kedua Bahagian Bawah; dan	
2.00 - 2.49	Ketiga	

32.3.2 Manakala bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg), pengurniaan Ijazah adalah tertakluk kepada Peraturan Pengajian Program Fakulti berkenaan.

32.3.3 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat syarat berikut:

- (a) memenuhi semua kehendak peraturan pengajian program yang diikuti;
- (b) memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- (c) memenuhi keperluan MUET/setara yang ditetapkan oleh Universiti;
- (d) diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
- (e) menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

## 33 PENGURNIAAN AKADEMIK

### 33.1 Anugerah Dekan

33.1.1 Pelajar akan menerima Anugerah Dekan jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Mendapat PNGS 3.60 dan ke atas bagi semua program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang ditawarkan oleh USIM kecuali program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (b) Memperolehi Gred A atau A- dalam semua mata pelajaran profesional yang diambil oleh pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.
- (c) Memperolehi gred A atau A- dalam mata pelajaran/kursus teras perubatan iaitu Peperiksaan Profesional Pertama, Peperiksaan Profesional Kedua dan Peperiksaan Profesional Akhir bagi program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.
- (d) Bilangan kursus dan jumlah kredit yang didaftarkan mestilah tidak kurang dari jumlah minimum kredit yang perlu didaftarkan pada setiap semester berdasarkan peraturan pengajian program sebagaimana yang telah ditetapkan.
- (e) Kursus yang didaftarkan berstatus kursus semasa (D) dan bukan kursus ulangan (R) atau Peperiksaan Ulangan Khas/Peperiksaan Gantian.
- (f) Semua kursus yang didaftarkan pada sesuatu semester adalah kursus yang diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK pelajar atau keputusan Peperiksaan Profesional pelajar bagi pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian. Sekiranya pelajar hanya mengambil latihan industri/latihan amali/pra- praktikum/praktikum/latihan mengajar/klinikal/penempatan klinikal/program sangkutan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain pada semester akhir pengajiannya, ia tidak layak untuk dipertimbangkan bagi pemberian Anugerah Dekan.
- (g) Ia merupakan semester lazim dan bukan semester khas atau tambahan semester bagi sesetengah pelajar yang tidak dapat menghabiskan kursus-kursus yang perlu diambil untuk tujuan pengijazahan seperti tambahan semester untuk memperbaiki gred, mengulang kursus atau menyiapkan projek ilmiah.

### 33.2 Anugerah Pelajaran Di Raja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan Hadiah Buku Universiti

#### 33.2.1 Pelajar akan menerima Anugerah Pelajaran Di Raja (Warganegara Malaysia sahaja), Anugerah Canselor, Pingat Emas Naib Canselor dan/atau Hadiah Buku Universiti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK 3.70 dan ke atas serta mendapat markah merit yang tinggi tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama

ATAU

Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred A- serta mendapat markah merit yang tinggi bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian; dan

- (b) Pencapaian MUET/setara yang baik.

### 33.3 Hadiah Buku Fakulti

33.3.1 Pelajar akan menerima Hadiah Buku Fakulti jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Seorang daripada setiap fakulti tanpa mengira program pengajian yang mempunyai graduan serta PNGK yang terbaik serta mendapat markah merit yang tinggi dalam tahun pengijazahan yang sama

ATAU

Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred yang terbaik serta mendapat markah merit yang tinggi bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian; dan

- (b) Pencapaian MUET/setara yang baik.

### 33.4 Hadiah Ko-Kurikulum

33.4.1 Pelajar akan menerima Hadiah Ko-Kurikulum jika memenuhi syarat berikut:

- (a) Memperolehi PNGK 3.00 dan ke atas serta mendapat markah merit yang tinggi tanpa mengira program pengajian atau fakulti daripada keseluruhan graduan dalam tahun pengijazahan yang sama

ATAU

Memperolehi Purata Markah Kumulatif dalam setiap Peperiksaan Profesional dengan memperolehi gred yang terbaik serta mendapat markah merit yang tinggi bagi Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;

- (b) Pencapaian MUET/setara yang baik; dan
- (c) Penglibatan dalam bidang ko-kurikulum dengan markah yang tertinggi.

### 33.5 Anugerah-Anugerah Lain

- 33.5.1 Anugerah-anugerah lain adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

### 34 SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN, TRANSKRIP DAN SKROL

- 34.1 Surat Pengesahan Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik Rasmi yang telah diperakukan oleh Senat dikeluarkan oleh BPA dan diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu program pengajian.
- 34.2 Surat Pengesahan Tamat Pengajian, Transkrip Akademik Rasmi dan Skrol akan diberikan kepada pelajar selepas Majlis Konvokesyen berlangsung tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- memenuhi semua kehendak peraturan pengajian program yang diikuti;
  - memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
  - memenuhi keperluan MUET/setara yang ditetapkan oleh Universiti;
  - diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Senat Universiti; dan
  - menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.
- 34.3 Graduan boleh membuat permohonan Skrol Ijazah Gantian, Transkrip Akademik Rasmi dan Surat Pengesahan Tamat Pengajian Gantian sekiranya dokumen tersebut telah rosak atau hilang dengan sejumlah bayaran sebagaimana yang dinyatakan di dalam JADUAL KEDUA.
- 34.4 Skrol dan transkrip boleh diserahkan kepada pelajar dengan syarat pelajar tidak mempunyai hutang atau lain-lain caj atau bayaran tertunggak kepada Universiti.
- 34.5 Skrol hanya dikeluarkan sekali sahaja kepada pelajar. Sekiranya berlaku kehilangan/rosak, pihak Universiti boleh mengeluarkan salinan berkenaan tertakluk kepada permohonan pelajar dengan mengikut prosedur dan bayaran seperti dibawah:-
- Bagi kes kehilangan skrol, pelajar perlu membuat laporan polis dan laporan tersebut hendaklah dilampirkan semasa membuat permohonan ke BPA.
  - Bagi kes kerosakan skrol dan/atau transkrip, pelajar perlu melampirkan skrol dan/atau transkrip yang rosak tersebut kepada BPA semasa membuat permohonan.
- 34.6 Pengeluaran Surat Tamat Pengajian, Transkrip Akademik Rasmi dan Skrol Ijazah dan Majlis Konvokesyen bagi Program Secara Kerjasama Dalam Negara

Perkara	Keputusan
Skrol Ijazah	menggunakan logo USIM sepenuhnya
Transkrip Akademik Rasmi	menggunakan logo USIM sepenuhnya kecuali kod program kerjasama dinyatakan bersama nama penuh program kerjasama tersebut
Majlis Konvokesyen	dilaksanakan di USIM

34.7 Pengeluaran Surat Tamat Pengajian, Transkrip Akademik Rasmi dan Skrol Ijazah dan Majlis Konvokesyen bagi Program Secara Kerjasama Luar Negara

<b>Perkara</b>	<b>Keputusan</b>
Skrol Ijazah	menggunakan logo USIM sepenuhnya
Transkrip Akademik Rasmi	menggunakan dua (2) logo secara bersama. Kod program dinyatakan bersama nama penuh program kerjasama tersebut.
Majlis Konvokesyen	dilaksanakan di institusi yang memohon

### **35 UMUM**

- 35.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh kuat kuasa Peraturan ini.
- 35.2 Senat mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.
- 35.3 Sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara mana-mana peruntukan Peraturan ini dengan peruntukan yang sama dalam peraturan pengajian program, maka Peraturan ini adalah terpakai setakat mana yang diperlukan kecuali dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam peraturan pengajian program tersebut.
- 35.4 Semua pelajar adalah tertakluk secara umum kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan juga Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 2009 atau pindaan yang telah dibuat ke atas kedua-duanya.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007  
(PINDAAN KETIGA, 2017)**

**JADUAL PERTAMA**

Di bawah Peraturan 16.1, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kursus Pengajian Halaqah tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:

*Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada 11 April 2007 (Mesyuarat Senat Kali Ke-38 dan pindaan pada 6 April 2011 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-62, Bil. 2/2011) dan 20 Jun 2012 (Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke-69, Bil. 3/2012)*



**PERATURAN – PERATURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
(PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2007  
(PINDAAN KEDUA, 2015)**

**JADUAL KEDUA**

Di bawah Peraturan-peraturan 5.1, 7.1, 7.2, 10.3.1(d), 23.3, 25.3, 26.2 dan 31.3, Senat Universiti dengan kuasa yang ada padanya menetapkan kadar-kadar bayaran bagi urusan-urusan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Urusan</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
1.	Pertukaran Program Pengajian (kali pertama) Pertukaran Program Pengajian (kali kedua dan seterusnya)	RM100.00 RM200.00/pertukaran
2.	Permohonan Skrol Ijazah Gantian	RM100.00
3.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Ulangan Khas	RM50.00
4.	Rayuan Semakan Semula Keputusan Penilaian Kursus	RM50.00
5.	Rayuan Meneruskan Semula Pengajian	RM50.00
6.	Permohonan Pemindahan Kredit ( <i>vertical</i> )	RM30/permohonan
7.	Lewat Mendaftar	RM25.00
8.	Pendaftaran Kursus Selepas Tamat Tempoh Pendaftaran	RM25.00/Kursus
9.	Permohonan Transkrip Akademik Rasmi	RM25.00 per bahasa

10.	Permohonan Surat Pengesahan Tamat Pengajian	RM20.00
11.	Permohonan Surat Tawaran Gantian	RM20.00
12.	Permohonan Transkrip Akademik Sementara	RM1.00
13.	Permohonan Surat Pengesahan Pelajar (Online)	RM1.00
14.	Diganti dengan Permohonan Surat Pengesahan Pelajar Bagi Tujuan KWSP	RM5.00

*Sebagaimana ditetapkan oleh Senat Universiti dalam mesyuaratnya pada Kali Ke-99 Bil. 3/2017 pada 7 Jun 2017*